

NO. SOALAN: 412

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

RUJUKAN : 7307

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan saman ekor dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

JAWAPAN:

PDRM akan sentiasa mendidik pengguna jalan raya agar mematuhi undang-undang dan peraturan melalui pendekatan berhemah serta kolaborasi merentasi Kementerian. Selain menumpukan kepada elemen "*enforcement*", PDRM turut terlibat dalam proses menambahbaik isu-isu perundangan, kejuruteraan dan pendidikan untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya ketika berada di atas jalan raya, atau dengan kata lain, peranan PDRM adalah untuk melindungi nyawa dan harta benda pengguna jalan raya.

Antara tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah dengan mengeluarkan saman postal (POL 170 A) terhadap kesalahan yang boleh menyumbang berlakunya kemalangan jalanraya dengan menggunakan alat "*trucam*" di lebuhraya dan juga di jalan-jalan persekutuan. Antara kesalahan yang diambil tindakan dengan mengeluarkan saman postal seperti berikut:-

- i) **Memandu melebihi had laju**
- ii) **Memandu di lorong kecemasan**
- iii) **Tidak ikut penunjuk arah tapak**
- iv) **Memotong dengan cara bahaya**
- v) **Memandu di laluan waktu terhad**
- vi) **Memotong di garisan berkembar**
- viii) **Berhenti di garisan kuning.**

Secara perbandingannya, kesan daripada tindakan pencegahan yang diambil oleh pihak PDRM termasuk melalui kaedah saman postal ini telah menunjukkan hasil yang positif. Matlamat utama untuk mengurangkan kemalangan terutama yang melibatkan kemalangan maut menunjukkan penurunan sejak tahun 2012.

Statistik kemalangan jalaraya bagi tahun 2102 sehingga 2014 (Ogos) seperti berikut:-

TAHUN	2012	2013	BEZA	%
JUMLAH KEMALANGAN	462,423	477,204	14,781	3.2
MAUT	6,381	6,308	-73	-1.1
PARAH	4,694	3,567	-1,127	-24.0
RINGAN	9,398	6,523	-2,875	-30.6
ROSAK SAHAJA	441,950	460,806	18,856	4.3

TAHUN	2013 (JAN - OGOS)	2014 (JAN - OGOS)	BEZA	%
JUMLAH KEMALANGAN	322,135	318,292	-3,843	-1
MAUT	4,399	4,245	-154	-4
PARAH	2,489	2,448	-41	-2
RINGAN	4,629	5,090	461	10
ROSAK SAHAJA	310,618	306,509	-4,109	-1

PDRM tidak sama sekali berputus asa dan akan terus berusaha untuk mencapai matlamatnya bukan sekadar untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, tetapi dari sudut yang

lebih holistik, peranan PDRM di jalan raya adalah untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya dan memandu dengan selamat untuk ke destinasi yang dituju serta mengurangkan kerugian harta benda dan modal insan yang terpaksa ditanggung akibat daripada kemalangan yang berlaku.